

# Koleksi Cerita Kanak-Kanak

## Damak Raja Bohong

2





Wak Damak ialah seorang penglipur lara di istana. Kerjanya bercerita dan berjenaka untuk hiburan raja dan orang-orang besar istana.

Setiap hari, Wak Damak mesti berada di istana dan pulang jauh malam apabila diperkenan oleh raja.

Sebenarnya, Wak Damak sudah jemu berkerja sebagai penglipur lara. Tugasnya memberi hiburan kepada orang lain. Walaupun hati dia sendiri tidak senang tetapi hati orang lain mesti dihiburkan.

Raja negeri itu amat suka mendengar cerita. Baginda akan ketawa terbahak-bahak apabila mendengar cerita, walaupun cerita itu tidak lucu.

Kalau Wak Damak bercerita mengenai makan nasi pun, baginda ketawa.

"Sedap! Sedap! Sedap cerita itu," kata baginda sambil ketawa terkekeh-kekeh sehingga mengeluarkan air mata.

Wak Damak kini berumur 80 tahun. Dia merasakan sudah tiba masanya dia pencen. Badannya semakin lemah dan selalu tidak sihat. Tetapi Wak Damak tidak ada penyakit. Dia tidak menghidap penyakit darah tinggi atau kencing manis. Orang zaman dahulu berumur panjang. Mereka mengamalkan cara hidup yang betul. Makan minum mereka tidak ada unsur-unsur racun dan bahan kimia.



Orang zaman dahulu meninggal dunia kebanyakannya kerana terlalu tua. Ada juga yang mati dipagut ular

dan dibaham harimau.

Kebanyakan orang zaman ini mati kerana kemalangan dan amalan makanan yang tidak baik. Orang sekarang suka merokok, minum minuman dalam tin atau botol, dan ada juga yang hisap ganja. Makan sayur dan buah-buahan yang disembur bahan kimia. Makanan ringan pula langsung tidak berkhasiat. Itulah sebabnya orang zaman ini banyak penyakit.

Wak Damak segar-bugar. Badannya masih kuat. Cuma uzur sedikit kerana sudah tua. Isterinya sudah meninggal dunia. Wak Damak hidup seorang diri.

Pada suatu hari Wak Damak pergi ke istana. Hari itu perasaan Wak Damak tidak berapa ceria. Dia juga kekeringan ilham untuk mencipta cerita. Otaknya kosong.

Dia tiba di balai rong seri. Ketika itu ada tiga orang pembesar negeri menghadap raja. Mereka ialah Datuk Bendahara, Datuk Temenggung dan Datuk Shah Bandar.

"Oh, Wak Damak! Mari sini. Ada cerita apa hari ini?" titah raja apabila melihat Wak Damak tiba.



"Ampun tuanku, hari ini patik tidak membawa apa-apa cerita. Semua cerita patik buang ke dalam rimbun buluh dalam perjalanan ke istana," jawab Wak Damak.

"Sedap! Sedap! Sedap cerita itu," titah raja sambil ketawa berdekah-dekah. Perut baginda kelihatan kembang-kempis.

"Sambung-sambung. Sedap cerita kamu," titah raja lagi.

"Cerita macam ini raja rasa sedap. Apa aku hendak buat supaya raja tidak suka dengar cerita aku?" bisik Wak Damak di dalam hati.

Wak Damak sedang berfikir untuk mencari ilham

supaya raja murka apabila mendengar ceritanya.

Sekejap lagi tiba waktu raja santap. Sebelum santap, raja mesti mendengar cerita atau syair.

"Ceritalah, Wak Damak! Beta ingin mendengarnya sekarang," titah raja.

Wak Damak memohon ampun. Dia mendekati raja lalu memicit betis baginda. Begitulah yang diperkenan oleh raja sambil Wak Damak bercerita.



"Ayah patik zaman dulu seorang pelaut. Dia adalah seorang penangkap ikan bilis yang terkenal," Wak Damak memulakan ceritanya.

"Sedap! Sedap! Cerita lagi," titah raja sambil ketawa.

"Pada suatu hari, ayah patik pergi ke laut. Dia membawa jala. Hari itu, dia hendak menangkap ikan bilis sebanyak mungkin kerana ada orang tempah," cerita Wak Damak.

"Sedap! Sedap! Ada orang tempah, ya?" titah raja.

"Lepas itu, lepas itu apa jadi?" tanya raja.

"Apabila sampai di pantai, ayah patik menebar jalanya. Jala ditebar. Langit kelihatan gelap kerana ditutup oleh jala."

"Ketika jala itu ditebar, cahaya matahari hilang. Suara jala berbunyi - rum, rum," cerita Wak Damak lagi.

"Selama tiga bulan jala berada di atas langit barulah ia jatuh ke laut," sambungnya.



"Apabila jala itu jatuh di atas air, jala itu berbunyi burr - selama tiga bulan," sambung Wak Damak lagi.

"Ketika itu laut kelihatan seperti dibedil dengan meriam. Air laut melambung naik bersama-sama ikan yang melompat."

"Ayah patik menarik jala perlahan-lahan. Selama tiga bulan barulah jala itu naik ke pantai."

Raja dan pembesar asyik mendengar tanpa memperdulikan santapan.

"Banyak ikan bilis dalam jala itu. Insangnya melekat pada tali anyaman," sambung Wak Damak lagi.

"Ayah patik melepaskan seekor demi seekor ikan bilis yang tersangkut pada jala."

"Mula-mula seekor. Selepas itu seekor," ceritanya lagi.

"Selepas itu?" tanya raja.

"Selepas itu seekor lagi, tuanku!" jawab Wak Damak.



"Selepas itu?" tanya raja.

"Selepas itu seekor lagi," jawab Wak Damak.

Mata raja kelihatan layu seperti hendak terlena. Dalam keadaan mata baginda pejam celik, baginda terus bertanya.

"Selepas itu macam mana?" tanya raja dalam keadaan mengantuk.

"Selepas itu seekor lagi ayah patik berjaya melepaskan bilis dari jala," jawab Wak Damak.

"Selepas itu?" tanya raja.

"Selepas itu seekor lagi," jawab Wak Damak.

Waktu itu sudah menjelang malam. Dua orang pembesar sudah hampir terlena. Sudah beratus kali mereka menguap. Tetapi mereka menahan diri daripada tertidur. Mereka mesti mengambil hati raja. Jika raja ketawa, pembesar-pembesar itu turut ketawa. Ketawa olok-olok atau ketawa 'cari makan'.



Raja terus bertanya, walaupun dalam keadaan tidak bermaya.

"Selepas itu?" tanya raja.

"Selepas itu seekor lagi," jawab Wak Damak juga dalam keadaan tidak bermaya.

"Cis! Sampai bila hendak habis cerita ini? Sudah! Beta tidak mahu dengar lagi," tiba-tiba raja murka.

Baginda berdiri lalu bertitah murka.

"Beta akan adakan pertandingan bohong. Jika kamu tewas, beta akan hukum gantung!" titah raja dengan marah lalu beredar dari situ.

Wak Damak ditinggalkan di situ seorang diri. Dua orang pembesar juga turut beredar mengiringi baginda masuk ke bilik peraduan.

"Adakan pertandingan berbohong. Jemput Raja Bohong dari India. Adakan pertandingan di istana," titah raja kepada pembesar.

Wak Damak pulang ke rumah dengan perasaan suka bercampur dengan duka. Suka kerana tidak perlu lagi ke istana dan duka kerana raja murka.



Wak Damak tidak tahu rancangan raja. Dia tidak terfikir bahawa raja akan mengadakan pertandingan bohong. Pada mulanya dia fikir terlepas daripada bala. Rupa-rupanya tidak demikian.

Pada suatu hari, Wak Damak dipanggil ke istana dengan perintah raja. Wak Damak terpaksa hadir ke istana dengan serta-merta.

Wak Damak tiba di istana. Dia sungguh terperanjat apabila melihat orang ramai berkumpul memenuhi balai penghadapan. Hari itu semua rakyat dipanggil ke istana.

Wak Damak berjalan perlahan-lahan menuju singgahsana raja. Dia memandang ke kiri dan ke kanan dengan cemas.

Di tepi singgahsana, terdapat sebuah taniat (pentas). Di atas taniat itu ada tiga orang bangsa India. Mereka berpakaian kemas. Baju mereka cantik berkilau-kilau. Semua pembesar negeri juga turut hadir.

"Wak Damak! Hari ini kamu mesti lawan berbohong dengan mereka," raja menunjukkan kepada tiga orang India yang duduk di taniat.

"Kalau menang, kamu akan mendapat anugerah besar. Kalau kalah, kamu mati!" kata raja lagi.